

e-proceeding


Technology, Science, Social Science & Humanities
International Conference 2022

Tesshi



Reengineering
Knowledge &
Creativity for
Global Excellence

30
June



***E-PROCEEDINGS
TECHNOLOGY, SCIENCE, SOCIAL SCIENCES AND
HUMANITIES INTERNATIONAL CONFERENCE
TeSSH 2022***

**Reengineering Knowledge and Creativity
for Global Excellence**

Copy Editors:

***Nor Azrina Mohd Yusof (Dr.)
Lee Chai Chuen
Juaini Jamaludin
Normaziana Hassan***

**Papers presented online at
Technology, Science, Social Sciences and Humanities
International Conference 2022 (TeSSH 2022)
30 June 2022
UiTM Cawangan Kedah, Merbok
Kedah, Malaysia**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH

Copyright © 2022 is held by the owner/authors(s). These papers are published in their original version without editing the content.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Copy Editors/Layout :Nor Azrina Mohd Yusof (Dr.)
Lee Chai Chuen
Juaini Jamaludin
Normaziana Hassan

Cover Design :Asrol Hasan

eISBN : 978-967-2948-33-9

Published by : Universiti Teknologi MARA CawanganKedah,
08400 Merbok,
Kedah,
Malaysia.

Printed by : Perpustakaan Sultan Badlishah
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah,
08400 Merbok,
Kedah,
Malaysia.

Foreword

The papers compiled in these e-proceedings are papers presented online at Technology, Science, Social Sciences and Humanities International Conference 2022 (TeSSH I 2022) held on 30 June 2022 at Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kedah, Malaysia. With the theme, ***Reengineering Knowledge and Creativity for Global Excellence***, the conference has brought together presenters of diverse background who shared their conceptual and empirical papers in broad areas that are subsumed under the fields of Technology, Science, Social Sciences and Humanities. These e-proceedings comprise current researches that were undertaken with the rigorous endeavour of knowledge enhancement to ensure that the world of academia will continue to flourish. It is thus hoped that readers will significantly benefit from knowledge contained in these proceedings.

TeSSH I 2022 and these e-proceedings would not have been possible without the great efforts from the presenters, and the generous support from the TeSSH I 2022 committee members and the Rector of UiTM Cawangan Kedah, Prof. Dr. Mohamad Abdullah Hemdi. A heartfelt gratitude is extended to all involved. It is hoped that these e-proceedings will be an impetus to stimulate further studies and research that benefit the society at large.

TABLE OF CONTENTS

1	A Conceptual Paper on Factors That Affect the Shariah Compliance Auditing Among the Islamic Financial Institutions in Malaysia	1
	Saifulrizan Norizan & Marjan Mohd Nor	
2	A Qualitative Study of Entrepreneurial Intention Among UiTM Kedah Accounting Students During Covid-19 Pandemic	8
	Mazlifa Md. Daud, Noora'in Omar, Muhammad Hariz Hamid, Mohd Hafiz Hashim & Anwar Johari	
3	A Review on By-Laws of Alor Setar City Council (MBAS)	21
	Nor Zaini Zainal Abidin, Nur Irinah Mohamad Sirat & Nurul Mazrah Manshor	
4	Accounting For Agriculture in Malaysia: A Special Attention to Aquaculture	27
	Saifulrizan Norizan, Mohd Halim Kadri, Zarina Abu Bakar & Juyati Mohd Amin	
5	Age-Friendly Environment for Older People: Challenges and Plans	34
	Noorlailahusna Mohd Yusof & Suziana Mat Yasin	
6	Aplikasi Inovasi E2 Kit 1.0 Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Litar Asas Elektrik	40
	Siti Rohaiza Zainol, Noor Aziana Abu Taib & Wan Nadirah Rosli	
7	Basic Of Differentiation Using Three Alternative Approach in Seberang Perai Polytechnic	50
	Siti Faridah Ismail, Rosila Adnan & Rohani Hamsan	
8	Bio Natural Food Seasoning from Eugenia Cephalanthum Using Dehydration Method	60
	Hidayah Julaihi, Theivya A/P Santhanasamy & Felicia Bong Lee Chen	
9	Cabaran dan Masa Depan Muzium Negeri Kedah	68
	Juaini Jamaludin	
10	Co-Integration Between Malaysia Stock Market, ASEAN and ASEAN Plus Three Countries During Pre and Post 14th Malaysia's General Election: A Short Run Analysis	72
	Anas Fathul Ariffin, Muhammad Akmal Hakim & Muhammad Hilmi Samian	
11	Computer Science Students' Learning Preferences, Mental Health, And Emotional Issues During Pandemic Covid-19 While Moving Towards Endemic	78
	Ahmad Faiz Ghazali, Noor Azrin Zainuddin, Ahmad Kamalrulzaman Othman & Yusnita Sokman	
12	Customer's Satisfaction: The Role of Food Quality, Service Quality and Ease of Website in Online Food Delivery	86
	Nur Afifah Aliah Husaini, Norhamizan Hamir, Rashid Salleh & Zamri Ahmad	
13	Digital inheritance: Legal Challenges in Malaysia	98
	Nor Azlina Mohd Nor & Ahmad Shamsul Abd Aziz	

14	Digital Literacy: Presentation Made Easy with ACE Alice Shanthi, Nur Izzah Jamil, Sheela Paramasivam, Siti Noor Dian Ahmad & Mohd Nur Fitri Mohd Salim	106
15	Diploma Students' Perceptions of Online Assessment: The Anchor That Holds Them in The ESL Classroom Jaqueline Susan Rijeng, Imelia Laura Daneil, Kimberley Lau Yih Long, Tang Howe Eng & Christine Jacqueline Runggol	115
16	Evolusi Tadbir Urus Dan Perundangan Wakaf Di Malaysia: Satu Analisis Rohayati Hussin, Mohd Zulharmey Abdullah, Afiffudin Mohammed Noor & Farahdina Fazial	125
17	Exploring Strategies to Reduce Adolescents' Involvement in Risky Behaviours from The Perspective Of A Probation Officer Lina Mursyidah Hamzah, Sharifah Muzlia Syed Mustafa, Nurul Fitriah Alias & Norazah Abdul Aziz	142
18	Factors That Lead to Poor Mental Health of Social Media User among UiTM Kedah Degree Students Nur Elisa Aqila Amir Yusrie, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	147
19	How The Covid-19 Pandemic Has Increased the Risk of Compulsive Buying Behaviour And Online Shopping Addiction For Apparel Purchasing In Malaysia: An Overview Of Generation Y And Generation Z Normaziana Hassan, Basitah Taif & Rosita Mohd Tajuddin	155
20	Hubungan Antara Impak Teknologi Maklumat Dan Budaya Organisasi Dalam Kalangan Kakitangan FRIM Nor Arinah Mohamed Zemudin, Muhammad Badri Ishak, Nurul Madiha Mohd Ilham & Wan Nur Syazmira Wan Suhaimi	168
21	Inhibiting Factors to Successful Virtual Teaching and Learning in Engineering Science Topic from the Perspectives of Polytechnic Lecturers Nurul Ain Saipudin, Noorul Amilin Saipudin & Nornazira Suhairom	174
22	Inovasi Sosial Melalui Program Akademik Intensif untuk Pelajar STPM Aliran Sains Tercicir Marinah Muhammad, Wong Hie Ling, Aainaa Syazwani Mohamad Amir Hamzah & NoorJanatun Naim Jemali	183
23	Investigating the Usefulness of TikTok as an Educational Tool in Learning Chemistry Nur Farha Shaafi, Mohammad Mubarrak Mohd Yusof, Nurul Nabilla Mohammad Khalipah & Norhazly Mohd Hanif	187
24	IPQUEUE: Indoor Premises Control Using Quick Response (QR) Code for Covid-19 Pandemic Mohd Suffian Sulaiman, Zuraidah Derasit & Sharizah Shahr	200

25	Kajian Arah Kiblat Liang Lahat Lama Bagi Tanah Perkuburan Islam Syed Idrus Syed Salim & Nor Asmadi Asri	213
26	Keberkesanan Kaedah Masa Hakiki Sistem Penentududukan Sejagat Dalam Penubuhan Stesen Kawalan Kerja Ukur Tanah Asiah Abdul Satar, Nor Azme Nordin & Sulzakimin Mohamed	220
27	Kesediaan Pensyarah Sains Kejuruteraan Dalam Pelaksanaan Mini Projek Secara Hibrid Di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah Nur Elyani Musa, Shamsul Arif Ismail & Azlina Hassan	229
28	Keunikan Partikel 'Lah' Dalam Terjemahan Surah Yasin di Malaysia Mohd Sufian Ismail & Anida Sarudin	238
29	LEVs As an Assessment Tool for Affective Domain In Laboratory Courses For Diploma In Civil Engineering Narita Noh, Noor Raifana Ab Rahim, Nur Zaidani Wati Mohd Darwis & Juwita Asfar	246
30	Measurements of Customer's Satisfaction towards Courier Services in Malaysia during Covid-19 among Students in UiTM Kedah Siti Nursyahirah Zaffendee, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	256
31	Measurements Of Depression Level Among Students in UiTM Kedah Adlin Mohd Anizam, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady	264
32	Media Arts as An Art-Based Interventions in the Institutional Care Environment Raja Eda Shabina Raja Raimie, Mohammad Kamal Sabran & Nur Zaidi Azraai	270
33	Mengatasi Kesalahan Umum Yang Pelajar Lakukan Semasa Menjawab Soalan Peperiksaan Sains Kejuruteraan Nur Azilina Abdul Aziz, Koa Chee Hoon & Siti Aishah Azmi	279
34	Pelaksanaan Wakaf Air di Malaysia: Satu Tinjauan Tadbir Urus Dan Perundangan Nurul Mazrah Manshor, Rohayati Hussin, Syatirah Abu Bakar, Nur Irinah Mohamad Sirat & Salmah Roslim	288
35	Pembangunan MOOC Bagi Kursus Foundation Mandarin (Level II) Berpanduan Model ADDIE Ting Hie Ling	294
36	Pengaruh Budaya Merantau Terhadap Evolusi Seni Bina Rumah Tradisional Negeri Sembilan, Malaysia Mohamad Hanif Abdul Wahab, Azizi Bahauddin & Nor Aniswati Awang Lah	302
37	Pengesanan Graduan Kolej Komuniti Jelebu Ketika Pandemik Covid-19 Noor Aziana Abu Taib, Siti Rohaiza Zainol & Zainatul Fakhir Zainon	313
38	Penggunaan iPad Dalam Menambakbaik Interaksi Di Kalangan Pensyarah Dan Pelajar Bagi Kursus Matematik Kejuruteraan 1 Mohd Syukor Che Omar & Azlina Hassan	317

39	Penggunaan Video <i>YouTube</i> Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Mandarin: Satu Tinjauan Awal	328
	Lee Chai Chuen & Nor Azrina Mohd Yusof	
40	Penguatkuasaan Undang-Undang Dalam Menangani Penyalahgunaan Media Sosial di Malaysia	333
	Ahmad Shamsul Abd Aziz & Nor Azlina Mohd Nor	
41	Penyampaian Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran (Laboratory Work) Secara Atas Talian Terhadap Pembelajaran Pelajar Diploma Geomatik Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah	343
	Nur Aisah Ab Moin & Asiah Abdul Satar	
42	Pelaksanaan Ujian Pra Sebagai Alternatif Untuk Meningkatkan Pencapaian Markah Pelajar Bagi Kursus DBM20023 Matematik Kejuruteraan 2	351
	Siti Norhazlina Shafie & Rosila Adnan	
43	Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan E-Book Dalam Menyelesaikan Tugas Kajian Kes	359
	Farah Abdul Malek, Rohaida Abu Bakar & Liyana Murni	
44	Promoting Learner Autonomy Through Online Global Interactions Among ESL Students	365
	Sharina Saad, Rafidah Amat & Nor Asni Syahriza Abu Hassan	
45	Remote Learning in The Time of Post - Covid-19: The Conceptual Framework of An Interactive PdPR For Primary School Via Visual Basic Programming	380
	Aslina Omar, Samsiah Abdul Razak, Nur Insyirah Mohamad Radzi & Ini Imaina Abdullah	
46	Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	385
	Wee Kee Quan, Zamri Mahamod & Shamsul Aizuwani Nawi	
47	Stres Dan Kepuasan Kerja: Analisis Inferensi Faktor Gender Dan Status Perkahwinan Dalam Kepuasan Kerja Pensyarah IPG	397
	Punitha Muniandy, Khairani Zakariya, Azhar Mohd Ali & Ahmad Sukari Mohamad	
48	Student Satisfaction of Public Transportation at UiTM Kedah	408
	Muhammad Azizi Azizurrahim, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	
49	Sustainable Smart Retirement City: A Concept Paper	417
	Nazmi @ Nazni Noordin, Zaherawati Zakaria, Mohd Zool Hilmie Mohamed Sawal, Mohd Syahmizan Azmi & Adnan Aminuddin	
50	Teknik Retorik Lafaz-Lafaz Berkaitan Dengan Syaitan Dalam Al-Quran	425
	Muhamad Khairul Anuar Zulkepli, Burhanuddin Wahab, Ahmad Fauzi Yahaya & Mohd Zulkhairi Abd Hamid	
51	The Determinants and Impact of Social Media Content on Consumer Engagement	438
	Marha Abdol Ghapar, Azlina Shamsudin, Nazlin Emieza Ngah & Nur Dalila Adenan	

52	The Distraction That Affects Students Focus Nur Khalyda Kamarol Hisham, Sarah Sabir Ahmad, Azfahanee Zakaria & Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady	446
53	The Effects of Varying the Duty Cycle to The Output Voltage in Buck Converter Nurhazwani Saleh	455
54	The Impact of i-Pulih Model Towards Methamphetamine Addicts Recovery in PUSPEN Tampin, Melaka Muhammad Dhamir Audi Azizul, Wan Munira Wan Jaafar, Azlina Mohd Khir & Samir Muhazzab Amin	462
55	The Implementation of National Education Assessment System in Malaysian Primary Schools Shanusi Ahmad, Nor Hasnida Che Md Ghazali & Mohd Nazir Md Zabir	473
56	The Influence of Leadership Style on Lecturer's Performance Azlina Shamsudin, Nalin Emieza Ngah, Marha Abdol Ghapar & Nur Dalila Adenan	481
57	The Internet Addiction (IA) Among Youth Generation Muhammad Arif Ikhwan Aminuddin, Sarah Sabir Ahmad, Azfahanee Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	487
58	The Relationship Between Curricular Activities Among Students' Leadership Syarifah Nur Bahirah Syed Jamalulil, Sarah Sabir Ahmad, Azfahanee Zakaria & Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady	493
59	The Role Entrepreneurship Education in Moderating Intention to Be An Entrepreneur Among Students With Learning Disabilities In Malaysia Nazlin Emieza Ngah, Nur Dalila Adenan, Azlina Shamsudin & Marha Abdol Ghapar	504
60	The Usage of Open Green Space (Planting Strip Area) at the Perimeter of Terrace House Unit by The Residents: Case Study in Taman Sinar Intan, Sungai Petani Mohd Zikri Mohd Zaki, Nurul Izzaty Zulkipli, Ahmad Faisol Yusof & Tajul Edrus Nordin	511
61	The Use of Scaffolding in Helping Students Complete Tasks That Require Higher Order Thinking Skills Syakirah Mohammed, Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali, Robekkah Harun & Sharina Saad	525
62	Time Passed and How Much Time Is Left? A Study on Motivation to Graduate on Time (GOT) Nur Dalila Adenan, Marha Abdol Ghapar, Nazlin Emieza Ngah & Azlina Shamsudin	537
63	Underground Mapping for Islamic Mausoleum Syed Idrus Syed Salim, Nor Azme Nordin & Sulzakimin Mohamed	546

Pengaruh Budaya Merantau Terhadap Evolusi Seni Bina Rumah Tradisional Negeri Sembilan, Malaysia

Mohamad Hanif Abdul Wahab

Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur,
Universiti Teknologi MARA, Malaysia.

hanif0552@uitm.edu.my

Azizi Bahauddin

Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan,
Universiti Sains Malaysia

azizigt@gmail.com

Nor Aniswati Awang Lah

Jabatan Rekabentuk Dalaman,
Kolej Kemahiran Tinggi MARA Rembau, Malaysia.

aniswati.lah@mara.gov.my

ABSTRAK

Alam Minangkabau merangkumi wilayah tengah Sumatera Barat yang dikenali sebagai *darek* hingga ke rantau Timur Minangkabau di Riau dan Negeri Sembilan. Pemekaran nagari Minangkabau disebabkan oleh proses merantau menyaksikan berlakunya variasi seni bina Minangkabau termasuklah Rumah Lentik Kampar (RLK) di Riau, Indonesia dan Rumah Tradisional Negeri Sembilan (RTNS) di Negeri Sembilan, Malaysia. Kertas kerja ini akan membentangkan tentang pengaruh budaya merantau terhadap seni bina RTNS di daerah Rembau, Negeri Sembilan. Pembentukan seni bina RTNS di Negeri Sembilan dan Rumah Adat Minangkabau (RAM) di Sumatera berlaku disebabkan perubahan secara evolusi yang selari dengan perkembangan kebudayaan Minangkabau. Ia membentuk kesamaan dan perbezaan pada seni bina rumah masyarakat Minangkabau melalui adat matrilineal, *kelarasan* atau hukum adat dan persekitaran *luhak*.

Kata kunci: Evolusi, Seni bina, Minangkabau, Merantau.


PENGENALAN

Rumah Tradisional Negeri Sembilan (RTNS) merujuk kepada tempat tinggal tradisi masyarakat Melayu berketurunan suku Minangkabau yang menetap di Negeri Sembilan (Hardono & Bahauddin., 2012; Idrus, 1996). Kajian RTNS oleh Idrus (1996) menyimpulkan bahawa Rumah Tradisional Negeri Sembilan (RTNS), Rumah Lentik Kampar (RLK) dan Rumah Adat Minangkabau (RAM) berkait dan tergolong dalam rumpun seni bina Melayu. Ketiga-tiga seni bina mempunyai elemen seni bina serumpun iaitu bahan kayu, rumah bertiang dan lantai berpanggung serta bentuk bumbung yang hampir identikal iaitu bumbung panjang berkelopak dua atau bumbung lipat kajang yang mana terdapat dinding tertutup di kiri dan kanannya yang disebut tebar layar (Idrus, 1996).

Perubahan seni bina RTNS dikaitkan dengan proses merantau oleh masyarakat Minangkabau di *darek*, Sumatera Barat, Indonesia yang berhijrah ke Negeri Sembilan. Mereka melalui laluan sungai di wilayah timur Sumatera iaitu Sungai Jambi/Batang Hari, Sungai Kuantan-Indragiri, Sungai Kampar dan Sungai Rokan/Siak (Ismail et al., 2014; Kato, 1997). Di sepanjang proses itu, masyarakat Minang dikatakan telah membangunkan penempatan awal di hulu-hulu sungai tersebut yang akhirnya melebar perantauannya ke Rembau dan sekitarnya (Ismail et al., 2014). Mereka

membina rumah perantau Minangkabau yang terletak di *darek*, Sumatera Barat, Indonesia serta rumah perantaraan di Kampar, Riau sebelum tiba di Rembau, Negeri Sembilan.

Tradisi dan budaya merantau tidak boleh dipisahkan dari masyarakat Minangkabau. Asal usul kata "merantau" itu sendiri berasal dari bahasa dan budaya Minangkabau iaitu "rantau" yang bermakna : wilayah-wilayah yang berada di luar wilayah darek atau induk Minangkabau iaitu *nagari* (negeri) Tanah Datar, Agam dan Lima Puluh Kota di Minangkabau, Sumatera Barat, Indonesia (Kato, 2005).



Rajah 2: Peta menunjukkan laluan merantau dari *darek*, Minangkabau ke Kampar, Riau dan berakhir di Rembau, Negeri Sembilan. Disunting dari sumber: Idrus dan Ibrahim (1987:52)

SENI BINA RUMAH MASYARAKAT MINANGKABAU DI DAREK, KAMPAR DAN REMBAU

Rumah asal perantau Minangkabau dikenali sebagai Rumah Adat Minangkabau (RAM) (Hardono, 2015). Bentuk bumbungnya dikaitkan dengan bentuk tanduk kerbau sempena kemenangan beradu kerbau antara Kerajaan Minangkabau ke atas Kerajaan Majapahit (Navis, 1984). Selain itu, bentuk bumbungnya dikaitkan dengan peniruan bentuk perahu atau kapal dengan variasi reka bentuk (Idrus, 1996; Ramelan & Febriola, 2013). Badan rumahnya melengkung landai seperti sebuah kapal yang dikaitkan dengan sejarah kedatangan datuk moyang masyarakat Minangkabau ke *darek* dari arah timur (Navis, 1984).




Rajah 2 Istilah-istilah elemen dan komponen seni bina Rumah Adat Minangkabau. Sumber: Couto, (2014:9)

Seni bina RAM adalah serumpun dengan seni bina Melayu, namun istilah yang digunakan pada elemen dan komponen rumahnya adalah berbeza kerana menggunakan bahasa Minangkabau. Rajah 2 menunjuk istilah seni bina yang digunakan pada RAM.

RAM di dalam *darek* telah berlaku variasi akibat evolusi reka bentuk. Perbezaan bentuk RAM terdapat pada bentuk dan jenis berdasarkan *kelarasan* adat dan *luhak* (Boestami, 1979; Ismael, 2007). Menurut Hardono dan Bahauddin (2012), RAM hukum Adat Koto Piliang dikenali sebagai rumah Sitingau Laut manakala RAM hukum Adat Bodi Caniago dikenali sebagai rumah Gadang (Ismael, 2000; Navis, 1984).

Seni bina Rumah Lentik Kampar (RLK) menjadi rumah perantau Minangkabau yang telah berasimilasi dengan suku Melayu di Kampar, Riau. RLK dikenali dengan nama-nama lain seperti Rumah Gadang Lontik (Couto, n.d.) dan Rumah Adat Kampar kerana fungsinya dalam kerapatan adat Minangkabau (Zulfa, 2012). RLK juga dikenali sebagai Rumah Pencalang atau Rumah Lancang kerana terdapat hiasan kaki dinding di hadapan rumah yang mirip seperti bentuk perahu (Ny. Wahyuningsih & Rivai., 1986). Istilah lancang atau pencalang berasal daripada perahu masyarakat tradisi Lima Koto Kampar yang hampir sama bentuknya dengan rumah kediaman mereka (Ny. Wahyuningsih & Rivai., 1986).




Rajah 3 Bentuk bumbung lentik pada Rumah Lentik Kampar dan susun atur ruang dalamnya.
Sumber: Ny. Wahyuningsih & Rivai., (1986:106)

Masyarakat Minangkabau telah merantau ke Negeri Sembilan sekitar 1400 tahun dahulu (Kato, 1997). Mereka mendiami rumah tinggal yang dikenali sebagai Rumah Tradisional Negeri Sembilan (RTNS) di samping menjalankan *kelarasan* atau hukum adat matrilineal yang hampir sama di *darek* (Hardono, 2015). Di Semenanjung Malaysia, RTNS adalah satu-satunya rumah Melayu yang mempunyai bumbung melengkung yang mengingatkan bentuk bumbung RAM di Sumatera, walaupun ia jauh lebih kecil, lentik bumbungnya kurang menonjol dan lebar layarnya dibina menegak berbanding tirus ke dalam (Fee, 2007).

Ciri-ciri khusus RTNS adalah bentuk bumbung yang melentik (Hanafi, 1985) yang mengambil bentuk bumbung RAM di Sumatera Barat (Ariffin, 2001; Hardono, 2015). Idrus (1996) pula mengaitkan bentuk bumbung RTNS dengan perahu yang menjadi alat pengangkutan masyarakat di Negeri Sembilan pada masa dahulu namun tidak menyeluruh seperti RLK.

Terdapat perbezaan di antara seni bina RTNS berbeza dengan RAM (Kosmos Online, 2017). RTNS dilihat lebih menyerupai rumah-rumah tradisional Melayu di Semenanjung Malaysia dari segi organisasi ruang serambi, rumah ibu dan dapur (Ariffin, 2001; Hardono, 2015) berbanding RAM. RTNS dibina dalam skala yang lebih kecil sebagai binaan tidak tetap. Selain itu, susunan ruang dalaman RTNS juga berbeza dengan RAM.



Rajah 4 Pandangan hadapan Rumah Tradisional Negeri Sembilan. Sumber: Lukisan terukur KALAM, UTM dari Sulaiman (2016:45).

CIRI-CIRI BUDAYA MERANTAU YANG DIBAWA OLEH MASYARAKAT MELAYU MINANGKABAU YANG MERANTAU DARI SUMATERA BARAT, INDONESIA KE REMBAU, NEGERI SEMBILAN, MALAYSIA.

“Merantau” adalah istilah Melayu, Indonesia dan Minangkabau yang mempunyai pengertian yang sama dari kata dasar “rantau”. “Rantau” menurut Purwadarminta, (1966), Teuku Iskandar, (1970) dan Winstedt, (1960) bererti dataran rendah atau daerah aliran sungai, yang kebiasaannya terletak berdekatan atau di bahagian dari daerah persisir (Naim, 1979). Budaya merantau amat sinonim dengan masyarakat suku Melayu Minangkabau. Kato (1982, 2005) menyatakan bahawa merantau membawa erti pergerakan keluar oleh masyarakat Minangkabau dari kawasan induk Kerajaan Minangkabau yang dikenali *darek* yang tujuan asalnya adalah sebagai “*pemekaran nagari*” atau perluasan wilayah untuk membuka kampung baharu akibat daripada kekurangan tanah bagi tujuan pertanian.

Pemekaran nagari menyebabkan berlaku pembukaan wilayah baru seperti Rantau Tanah Datar, Rantau Agam dan Rantau Lima Puluh Kota dibuka di sekitar tanah *darek* di Minangkabau, Sumatera Barat, Indonesia (Kato, 2005). Proses *pemekaran nagari* berterusan sehingga sebahagian penduduk itu juga berpindah ke “Rantau Persisir” di sebelah barat dan “Rantau Hilir” di bahagian timur Sumatera, Indonesia (Kato, 2005; Sango, 1966) hingga menyusur ke Negeri Sembilan di Semenanjung Malaysia oleh masyarakat Minangkabau seawal kurun ke-12.

Sepertimana proses merantau menekankan pada ‘*spatial movement*’ atau pergerakan dalam ruang iaitu dari satu tempat ke tempat lain secara sementara atau tetap, dengan atau tanpa tujuan tertentu dan mempunyai konotasi budaya (Naim, 1979). Mochtar Naim mengintegrasikan empat ciri-ciri merantau bagi membentuk satu kerangka konsep iaitu:

- i. *Agent of Cultural Trasmission* (Agen Penyebaran Budaya),
- ii. *Mobilitas Regional* (Penggerak Serantau),
- iii. *Mobilitas* (Penggerak) Ekonomi dan Sosial,
- iv. Perlembagaan Merantau.

Pembentukan seni bina rumah Minangkabau di Negeri Sembilan dan Sumatera Barat berlaku disebabkan perubahan secara evolusi yang selari dengan perkembangan kebudayaan Minangkabau dan juga pengaruh-pengaruh luar (Idrus, 1996) seperti persekitaran dan faktor setempat. Ia memberi kesan kesamaan dan perbezaan pada bentuk dan susun atur ruang rumah masyarakat Minangkabau melalui adat matrilineal, *kelarasan* adat dan persekitaran *luhak* atau wilayah di mana ia berada (Boestami, 1979; Hardono, 2015; Ismael, 2007). Ia dikesan pada empat aspek komponen seni bina RTNS iaitu tapak dan organisasi ruang, kerangka struktur, komponen ruang dan ragam hias. Hasil analisa etnografi terhadap ciri-ciri budaya merantau merumuskan bahawa tiga ciri-ciri budaya merantau yang dibawa oleh masyarakat Melayu Minangkabau dari

Sumatera Barat ke Rembau iaitu bersifat evolusi, kaedah perhubungan dan berfikiran inovatif (Wahab., 2019).

Bersifat Evolusi

Evolusi Rumah Adat Minangkabau (RAM) berlaku sejak di *darek* akibat daripada perbezaan *kelarasan* adat dan *luhak*. Rumah Tradisional Negeri Sembilan (RTNS) mewarisi sifat evolusi tersebut namun prinsip pembinaannya tidak terikat seperti rumah *darek* yang besar dan dibina kekal. Ia merupakan sebuah binaan sementara yang kecil dan boleh dibuka dan pasang semula serta dipindah lokasi.

Persekitaran di antara *darek* dengan Rembau adalah berbeza. *Darek* merupakan kawasan pedalaman atau hulu yang berada di dataran tanah tinggi Bukit Barisan yang dikelilingi gunung-gunung dan sungai-sungai. Gunung menjadi titik tumpuan di mana RAM dibina mengarah ke tanah asal-usul nenek moyang mereka. Rembau adalah kawasan Rantau Hilir yang rendah dan mempunyai banyak sungai yang lebar dengan aliran deras. Walaupun persekitarannya tidak sama seperti *darek*, masyarakat perantau Minangkabau di Rembau berusaha menyesuaikan persekitaran sungai dan latar belakang dataran Bukit Barisan pada orientasi RTNS. Hujung rumah RTNS menyamai hujung rumah RAM ke arah tanah tinggi di Dataran Titiwangsa.

Sifat merantau menyerap pengaruh maklumat, budaya, kemanusiaan dan teknologi telah mencetus cabang kebudayaan (*subculture*) Minangkabau di rantau. Variasi seni bina RTNS berbanding RAM terbentuk kerana perantau Minangkabau bukan di kalangan tukang tuo sebaliknya petani dan pedagang. Berbekalkan daya imaginasi yang terhad, mereka cuba menyamai bentuk rumah RTNS dengan rumah di tempat asal mereka menggunakan kemahiran tukang rumah tempatan. Maka di sini berkembang variasi bumbung lentik yang mempunyai ciri asas lentik dan melengkung.

Salah satu kebudayaan Minangkabau adalah adat matrilineal yang mengikut susur jalur ibu. Adat matrilineal mempengaruhi pembentukan RAM yang dibina khas untuk kemenakan kaum perempuan dalam persukuan. Adat ini telah berasimilasi dengan adat tempatan di Rembau hingga dikenali sebagai Adat Perpatih yang bercirikan matrilineal tetapi mempunyai perbezaan. Antara perbezaannya adalah tugas membina rumah di rantau tidak lagi dipikul oleh mamak sebaliknya buapak. Pewarisan RTNS akan diperturunkan kepada anak perempuan bongsu dalam persukuan dan bukan kelompok kemenakan dalam persukuan seperti RAM. Asimilasi ini telah membentuk corak penghunian yang berbeza di mana RTNS juga dibina untuk unit keluarga dan manakala RAM bersifat persukuan. Maka dengan itu, susun atur ruang kedua-dua rumah dilihat berbeza.

Kaedah Perhubungan

Merantau merupakan proses mematangkan kehidupan. Ia sebagai proses persediaan pemuda perantau sebelum memasuki alam berumah tangga. Oleh yang demikian, melengkapkan sifat kemampuan dalam membina kehidupan rumah tangga ditonjolkan dengan membina RTNS di tanah rantau.

Sifat perantau yang merantau ialah mereka akan kembali pulang ke tempat asal mereka apabila tiba pada masanya. Namun setelah selesai di tanah rantau, mereka terus menetap namun meninggalkan beberapa tanda perhubungan dengan tempat asal pada RTNS. Antaranya adalah pola perancangan tapak rumah yang hampir sama di atas tanah rata dengan persekitaran sawah padi. RTNS juga dihiasi dengan ukiran larik gasing-gasingan dan ragam hias bermotifkan Aka yang membawa erti akal atau daya fikir. Simbol kecerdikan akal ditonjolkan pada adaptasi garis lengkung melentik dengan persekitaran yang menjadi ciri-ciri seni bina Minangkabau. Selain dari itu, prinsip menentukan jumlah anak tangga dalam kiraan ganjil juga menyamai di antara RTNS dengan RAM menunjukkan bahawa kedua-dua saling berkaitan.

Berfikiran Inovatif

Apabila ruang dihasilkan, maka ia diisi dengan peluang kehidupan. Kewujudan RTNS di rantau adalah manifestasi perasaan perantau Minangkabau yang tiada tempat dalam RAM. Namun di luar

darek, RTNS memberi pengharapan hidup yang tidak terikat sepenuhnya dengan aturan Adat *Pangkal Tanah* tetapi dilonggarkan dengan Adat *Kato Mupakaik*. Maka pembinaan RTNS adalah penyelesaian bagi mengelak konflik kekeluargaan. Walaupun RTNS kecil, ia bebas didiami tanpa menyusahkan ahli keluarga yang lain.

Pemikiran inovatif adalah cetusan anjakan pemikiran yang mengubah pandangan terhadap sesuatu. Penggunaan pasak pada RTNS membenarkan dinding dibuka dan pasang semula bagi tujuan penambahan ruang atau memindahkan ke lokasi lain. RTNS dibina dalam bentuk unit buka dan pasang dengan daya fikir inovasi. Konsep seni bina RTNS bersifat merantau jauh berbeza dengan RAM yang kekal di tempat asal.

KOMPONEN-KOMPONEN PADA RUMAH TRADISIONAL NEGERI SEMBILAN (RTNS) YANG DIPENGARUHI OLEH CIRI-CIRI BUDAYA MERANTAU SEHINGGA MEMBENTUK VARIASI SENI BINA BERBANDING DENGAN RUMAH ADAT MINANGKABAU (RAM).

Pengaruh budaya merantau ke Rembau sejak abad ke-12 telah membentuk variasi seni bina pada RTNS dan RAM walaupun kedua-duanya wujud dari kebudayaan yang sama. Ini dibuktikan dengan penemuan ciri-ciri kesamaan yang terdiri daripada tiga kebudayaan Minangkabau iaitu adat matrilineal, *kelarasan* adat dan persekitaran *luhak* pada kedua-dua seni bina. Selain itu ciri-ciri perbezaan juga dikesan pada komponen seni bina RTNS dan RAM kerana perantau Minangkabau berpegang kepada konsep *Alur dan Patut* yang memberi kelonggaran kepada perantau dalam memutuskan sesuatu perkara di tanah rantau.

Fenomena variasi seni bina Minangkabau di antara *darek* dengan *rantau* akibat budaya merantau dikesan berdasarkan tiga ciri-ciri pengaruh budaya merantau iaitu bersifat evolusi, kaedah perhubungan dan berfikir inovatif. Ia telah mempengaruhi komponen tapak dan organisasi ruang, kerangka struktur, komponen ruang dan ragam hias hingga menyebabkan berlakunya variasi seni bina Minangkabau terhadap RTNS dan RAM.

Ciri-ciri pembentukan seni bina RTNS akibat daripada pengaruh budaya merantau hingga menyebabkan ia berbeza dengan RAM dijelaskan di Jadual 1. Ia menunjukkan variasi seni bina yang terbentuk pada komponen tapak dan organisasi ruang, kerangka struktur, komponen ruang dan ragam hias rumah RTNS dan RAM serta perkaitannya dengan ciri-ciri budaya merantau.

Jadual 1 Variasi pembentukan seni bina RTNS dan RAM pada komponen tapak dan organisasi ruang, kerangka struktur, komponen ruang dan ragam hias yang dipengaruhi oleh ciri-ciri budaya merantau.

Komponen	Variasi RTNS dan RAM		Ciri-Ciri Budaya Merantau Yang Mempengaruhi RTNS
	Persamaan elemen	Perbezaan elemen	
Tapak dan Organisasi Ruang			
Persekitaran	RTNS dan RAM dibina di atas tanah adat atau persukuan berdasarkan persekitaran <i>luhak</i> yang bersawah padi.	RTNS terletak di pesisir atau bersungai. Ia dibina di atas tanah rata di tebing sungai yang mana hujung rumah mengarah ke hulu sungai di tanah tinggi. RAM terletak di lokasi darat atau pedalaman. Ia dibina di atas tanah rata yang hujungnya mengarah ke gunung.	<u>Ciri Kaedah Perhubungan</u> RTNS mengekalkan corak perancangan rumah yang dibina di atas tanah rata di persekitaran sawah padi yang di kelilingi tanah tinggi.
Orientasi	Orientasi rumah berasaskan hujung rumah menala ke tanah tinggi.		<u>Ciri Kaedah Perhubungan</u> Orientasi hujung rumah ke arah tanah tinggi dikaitkan dengan persekitaran gunung merapi iaitu lokasi <i>nagari</i> tua Pariangan Padang Panjang diasaskan oleh nenek moyang masyarakat Minangkabau.

Tapak Rumah	Tapak rumah milik persukuan. Terdapat kebun, sumber air seperti kolam, telaga atau sungai. Terdapat juga <i>rangkiang</i> atau kepuk padi di hadapan rumah.		<u><i>Ciri Kaedah Perhubungan</i></u> Perancangan tapak rumah dikaitkan dengan aturan hidup masyarakat Minangkabau berdasarkan potensi tanah.
Organisasi Ruang Dalam	Organisasi ruang dalaman terdiri daripada ruang serambi atau Balai Adat, tengah rumah atau <i>labuah</i> dan <i>bandua</i> , anjung, loteng, dapur dan kolong.		<u><i>Ciri Kaedah Perhubungan</i></u> Ruang dalaman berasaskan <i>kelarasan</i> adat matrilineal di mana Balai Adat atau serambi adalah tempat upacara adat dilakukan. Pewarisan rumah RTNS juga seperti mana RAM yang diperturunkan berasaskan persukuan mengikut jalur ibu.
Kerangka Struktur			
Tiang	RTNS dan RAM menggunakan satu balak untuk setiap satu tiang tanpa penyambungan di antaranya. Di bahagian dasarnya, tiang ini akan dialas dengan bahan batu untuk menstabil dan menghalang mendapan serta kerosakan struktur akibat faktor persekitaran, lulu hawa dan serangga perosak.	Tiang RTNS dipotong empat sisi berbanding RAM yang dipotong dua belas sisi.	<u><i>Ciri Bersifat Evolusi</i></u> Sisi pada tiang adalah kepercayaan masyarakat tradisi. Ia mewakili arah penjuruan mata angin yang bermaksud rumah akan peroleh sumber rezeki dan keharmonian dari penjuruan tersebut (Ny. Wahyuningsih & Rivai Abu, 1986). Namun kepercayaan ini tidak lagi dipraktikkan setelah Islam tersebar. Penggunaan tiang empat sisi dilihat lebih banyak praktikal khususnya dalam penggunaan sistem tanggam lubang dan puting pada rumah RTNS.
Rasuk dan Gelegar	Kaedah pemasangan rasuk lantai secara dua lapisan dan disusun sisi bagi penyambungan lantai. Bagi menstabilkan lantai, kaedah pemasangan pangkal rasuk menindih hujung rasuk dilakukan pada lubang tiang dan ditetapkan dengan tiang gantung atau tetupai serta kayu kambi.		<u><i>Ciri Berfikir Inovatif</i></u> Penggunaan pasak dan kayu kambi pada RTNS membolehkan ia dibuka dan dipasang semula. Selain itu, susunan sisi membolehkan penyambungan rasuk lantai dilakukan bagi membina ruang baharu pada RTNS.
Bumbung	Prinsip pembinaan bumbung RTNS dan RAM adalah sama. Bentuk struktur bumbung 'V' terbalik merupakan ciri-ciri rumah rumpun Melayu di samping bahan atap dari tumbuhan serta struktur sokongan seperti perabung, tunjuk langit, kekuda dan gulung-gulung. Kedua-dua bumbung juga dihiasi dengan papan tumpu kasau atau <i>dempa-dempa</i> serta dilengkapi dengan tebar layar bertingkap.	Perbezaan bumbung RTNS dan RAM adalah analogi reka bentuknya.	<u><i>Ciri Bersifat Evolusi</i></u> Lentik bumbung RTNS berasaskan bentuk perahu mengambil sifat persekitaran pesisir yang bersungai dan perahu sebagai pengangkutannya. Ketinggian bumbung RAM lebih bergonjong berasaskan tanduk kerbau mewakili persekitaran darat yang bergunung dan bersawah padi. Kerbau adalah haiwan penting yang membantu mencari rezeki.

Ruang			
Tangga	Tangga asal jenis larian lurus. Bilangan anak tangga adalah ganjil. Lokasi peletakan tangga adalah di hadapan rumah.	Tangga RTNS terletak di bahagian pangkal (hilir) rumah berbanding RAM di tengah-tengah. Bilangan anak tangga RTNS adalah lima manakala RAM adalah tujuh. Selain itu, RTNS memperuntukan dua tangga iaitu di hadapan serambi dan selang manakala RAM hanya satu iaitu di bahagian hadapan balai.	<u>Ciri Kaedah Perhubungan</u> Selain berfungsi sebagai penghubung ruang, tangga memaparkan perkaitan rumah dengan persekitaran. Tangga RTNS yang terletak di sebelah pangkal atau hilir menunjukkan laluan masuk paling hampir ke rumah yang dipengaruhi oleh kedudukan sungai sebagai laluan utama apabila memudik melawan arus. Perbezaan jumlah anak tangga pula menunjukkan perbezaan skala binaan. RAM dibina besar dengan saiz penghunian yang ramai berbanding RTNS yang kecil. Selain itu, tangga juga mencorakkan jenis ternakan yang diusahakan oleh penghuni rumah. Bagi RTNS, jumlah lima anak tangga sesuai untuk ternakan kambing, ayam dan itik manakala kerbau atau lembu sesuai bagi RAM iaitu tujuh anak tangga. Jumlah tangga dengan kedudukan berbeza menunjukkan fungsi ruang RTNS dan RAM berbeza. RAM bersifat rumah persukuan <i>kemenakan</i> yang mana ruang aktif terletak di hadapan iaitu balai bagi aktiviti <i>kelarasan</i> adat. Manakala RTNS adalah rumah keluarga yang mana ruang aktif adalah di rumah ibu yang terletak di tengah rumah.
Lantai	Kedua-dua seni bina menggunakan lantai mendatar jenis beraras atau bertingkat. Lantai dibina berongga yang baik untuk pengudaraan dan kebersihan.	Penggunaan bahan yang berbeza iaitu buluh dan papan kayu. Terdapat rumah RAM yang berlantai mendatar yang tidak memberi penekanan pada hierarki lantai.	<u>Ciri Bersifat Evolusi</u> Hierarki atau aras lantai berkaitan dengan <i>kelarasan</i> adat matrilineal masyarakat Minangkabau. Bagi lantai bertingkat, ia menunjukkan corak <i>kelarasan</i> persukuan adalah bersifat autokratik dengan struktur kepimpinan Ketua Adat. Bagi rumah berlantai mendatar, ia menunjukkan corak <i>kelarasan</i> bersifat demokratik. Tingkat tertinggi dalam RTNS adalah di rumah ibu di mana <i>ibu soko</i> berada ketika upacara adat berlangsung. Berbeza dengan RAM di mana <i>Penghulu Pucuak</i> berada di anjung yang merupakan tingkat lantai tertinggi dalam RAM.
Dinding	Bahan dinding RTNS dan RAM adalah papan kayu yang dipasang menegak dan melintang. Penekanan terhadap elemen ukiran pada elemen di dinding seperti tingkap dan pintu menunjukkan kesamaan iaitu	Teknik anyaman buluh sebagai dinding tidak dikesan pada RTNS. Begitu juga dengan kaedah pemasangan dinding RTNS yang boleh dibuka dan dipasang semula kerana penggunaan kayu kambi sebagai penutup.	<u>Ciri Berfikir Inovatif</u> RAM adalah rumah induk yang membawa sifat tetap dan kekal di situ. Pembentukan ruang menggunakan dinding adalah tetap dan jika berlaku penambahan penghuni, binaan sebuah RAM yang baharu akan dilakukan bersebelahan RAM induk.

	motif gasing-gasingan dan gunung.	Namun bagi RAM, setiap binaannya termasuk dinding adalah tetap dan kekal yang tidak boleh dibuka-pasang dan diubahsuai.	RTNS pula adalah rumah bersifat sementara. Ia boleh dibuka dan dipasang malah dipindah lokasi. Penambahan dinding untuk dijadikan ruang tambahan boleh dilakukan dengan menambah tiang mengikut aturan iaitu ruang hujung rumah sentiasa dihormati.
Siling	Siling terhasil dari lantai loteng yang menutupi ruang bawah bumbung iaitu bilik RAM dan RTNS serta rumah ibu.		<u>Ciri Berfikiran Inovatif</u> RTNS menggunakan ruang loteng bukan sahaja sebagai tempat penyimpanan padi seperti RAM malah ruang menginap jika ada keperluan.
Ragam Hias			
Dinding Dalam	Ukiran kaligrafi arab dan gasing-gasingan dikesan pada ruang dalaman RTNS dan RAM.	RAM tidak memberi penekanan pada ragam hias pada ruang dalaman.	<u>Ciri Berfikiran Inovatif</u> RTNS mengadaptasikan ukiran di luar hingga ke dalam rumah. Terdapat dinding di tengah rumah yang dikhaskan sebagai latar belakang peletakan singgahsana perkahwinan.
Dinding Luaran	Ukiran tebuk timbul bermotifkan flora dan fauna terdapat pada dinding luaran RTNS dan RAM.		

RUMUSAN

Kajian membuktikan bahawa tiga ciri-ciri budaya merantau Minangkabau iaitu sifat evolusi, kaedah perhubungan dan berfikiran inovatif telah mempengaruhi pembentukan seni bina RTNS. RTNS dikategorikan sebagai rumah Minangkabau yang terletak di rantau Rembau berasal dari susur jalur RAM dan tidak terikat sepenuhnya dengan Adat Pangkal Tanah di tanah asal. RTNS dianggap sebagai model evolusi seni bina rumah Minangkabau yang membentuk variasi seni bina berasaskan tiga ciri-ciri kebudayaan Minangkabau iaitu adat matrilineal, *kelarasan* atau hukum adat dan persekitaran *luhak*. Walaupun terdapat perbezaan dalam bentuk seni bina, aturan ruang dan persekitaran, namun terdapat kesamaan dari segi amalan adat matrilineal di dalam ruang RTNS, pewarisan rumah kepada kaum perempuan dari persukuan dan prinsip pembinaan asas rumah Minangkabau seperti talaan orientasi dan bentuk lentik bumbung masih wujud.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah ditaja oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan Universiti Teknologi MARA dibawah biasiswa Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) No. Rujukan: KPT(BS)780317087053.

RUJUKAN

- Ariffin, S. I. (2001). *Order in Traditional Malay House Form*. Oxford Brooks University.
- Boestami. (1979). *Arsitektur Tradisional Minangkabau: Rumah Gadang*. Padang: Proyek Sasana Budaya Jakarta.
- Couto, N. (n.d.). Ragam Bentuk Rumah Adat Minangkabau Gajah Maharam Gonjong Ampek Sibak Baju. Diperoleh Oktober 10, 2017, dari <http://nasbahrygallery1.blogspot.my/2013/07/ragam-bentuk-rumah-adat-minangkabau.html>

- Couto, N. (2014). Nomenklatur (Tata Nama) Bagian Kulit Bangunan Rumah Gadang. Diperoleh Oktober 11, 2016, dari <http://jhonisamual.blogspot.my/2015/05/nomenklatur-tata-nama-bagian-kulit.html>
- Fee, C. V. (Ed.). (2007). *The Encyclopedia Of Malaysia Vol. 5: Architecture*. Singapore: Editions Didier Millet Pte Ltd.
- Hanafi, Z. (1985). *Kompendium Sejarah Seni Bina Timur*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Hardono, S. (2015). *Pengaruh Matrilineal pada Susun Atur Ruang Dalam Rumah Tradisional Negeri Sembilan dan Rumah Adat Minangkabau Sumatera Barat*. Universiti Sains Malaysia.
- Hardono, S., & Bahaudin, A. (2012). Warisan Budaya Rumah Minangkabau Negeri Sembilan dan Sumatera Barat: Ruang Dalam dan Pengaruh Matrilineal. In *The 9th Regional Symposium of The Malay Archipelago 2012* (pp. 330–337). Perak.
- Idrus, Y., & Ibrahim, N. (1987). *Teromba Dan Perbilangan Adat*. *Jurnal Warisan*. Seremban: Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
- Idrus, Y. (1996). *Rumah Tradisional Negeri Sembilan Satu Analisis Seni Bina Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ismael, S. (2007). *Arsitektur Tradisional Minangkabau Nilai-Nilai Budaya Dalam Arsitektur Rumah Adat*. Padang: Bung Hatta University Press.
- Ismail, N. H., Surat, M., Raja Shahminan, R. N., & Yunus, S. K. (2014). Identiti Rumah Tradisional Negeri Sembilan Melalui Evolusi Reka Bentuk. *Journal Design and Built*.
- Naim, M. (1979). *Merantau: Pola Migrasi Suku Minangkabau*. Gadjah Mada University Press.
- Kato, T. (1982). *Matriliney and Migration Evolving Minangkabau Tradition in Indonesia*. Ithaca and London: Cornell University Press.
- Kato, T. (1997). Dynamics of the Frontier World in Insular Southeast Asia: An Overview. *Southeast Asian Studies*, 34(4), 611–621.
- Kato, T. (2005). *Adat Minangkabau Dan Merantau Dalam Perspektif Sejarah*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Kosmos Online. (2017). Rumah Tradisional Negeri Sembilan: Identiti Negeri Sembilan. Diperoleh Disember 27, 2017, dari http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2015&dt=0525&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_01.htm
- Navis, A. A. (1984). *Alam Berkembang Jadi Guru Adat Dan Kebudayaan Minangkabau*. Jakarta, Indonesia: Penerbit PT Pustaka Grafitipers.
- Ny. Wahyuningsih, B., & Rivai Abu (Eds.). (1986). *Arsitektur Tradisional Daerah Riau* (2nd ed.). Departemen Pendidikan Dan Kebudayaan Daerah Riau.
- Purwadarminta, W. J. S. (1966). *Kamus Umum Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Ramelan, W. D. S., & Febriola, Y. (2013). *Rumah Tuo Kampai Nan Panjang: Kajian Nilai-Nilai Budaya Dan Pemanfaatannya*. Depok.

- Sango, D. B. (1966). *Tambo Alam Minangkabau: Jaitu Asal Usul Minangkabau Segala Peraturan Adat Dan Undang-Undang Hukum Disegala Negeri Jang Masuk Daerah Minangkabau* (5th ed.). Pajakumbuh: Limbago.
- Sulaiman, M. S. (2016). *Challenges in the Conservation of the Negeri Sembilan Traditional Malay House (NSTMH) and Establishment of a Conservation Principles Framework*. The University of Edinburgh.
- Teuku Iskandar. (1970). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wahab, M.H.A. (2019). *Perubahan Seni Bina Dalam Konteks Budaya Merantau dan Kesannya Terhadap Rumah Tradisional Negeri Sembilan, Malaysia*. Universiti Sains Malaysia
- Winstedt, R. O. (1960). *Kamus Bahasa Melayu*. Singapore.
- Zulfa. (2012). *Tradisi Basiacuang Pada Masyarakat Melayu Kampar-Riau*. Universitas Indonesia.